

HUBUNGAN AMALAN PENGAJARAN GURU DAN KESEDIAAN GURU DALAM PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR

¹Muhammad Haron Husaini, ¹Mohd Izzuddin Mohd Pisol, ¹Ahmad Shafiq Mat Razali,
¹Diyak Ulrahman Mat Saad, ²Syafiqah Mohd Hairon, ³Nur Hanani Hussin,
³Mohd Khamal Md Daud

muhdharon@kuis.edu.my, mohdizzuddin@kuis.edu.my, ahmadshafiq@kuis.edu.my
diyakulrahman@kuis.edu.my

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

²Kolej Vokasional Ampangan, Negeri Sembilan

³Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan amalan pengajaran dengan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Jumlah sampel kajian ini seramai 427 orang responden yang melibatkan guru bahasa Arab yang mengajar di Sekolah Menengah. Dapatan kajian ini diperoleh menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina, pengalaman mengajar bilangan waktu pengajaran. Namun terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar kekerapan penggunaan. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, kekerapan penggunaan, bilangan waktu pengajaran, pengalaman mengajar bilangan waktu pengajaran. Namun terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar terhadap pengalaman mengajar guru. Analisis Kolerasi Pearson r menunjukkan hubungan yang sederhana berkaitan amalan pengajaran dan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan cadangan tindakan yang perlu dilakukan guru bahasa Arab dan institusi yang terlibat dalam melatih guru dalam menambahbaik penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab.


1.0 PENDAHULUAN

Dalam era teknologi masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan buku teks, kaedah pengajaran guru melalui penggunaan kapur tulis dan papan hitam sahaja, malah lebih daripada itu termasuklah penggunaan teknologi yang menyediakan pembelajaran secara interaktif bagi memupuk minat pelajar. Oleh yang demikian, melalui teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dari guru sahaja masih belum dapat menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan tanpa melalui bahan bantu mengajar. Dalam matapelajaran bahasa Arab khususnya, bahan bantu mengajar memainkan peranan penting ke arah memahami konsep di dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat pelajar.

1.1 Penyataan Masalah

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Mansor et. al. (2003), mendapati 62.5% daripada pelajar tidak minat mempelajari bahasa Arab. Oleh yang demikian, amalan pengajaran dan kesediaan guru bahasa Arab memainkan peranan penting agar membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan aktiviti pembelajaran yang baharu. Begitu juga pandangan daripada Rofishah Rashid (2005), masih terdapat guru pendidikan Islam dan bahasa Arab yang tidak memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdP melainkan untuk tujuan menulis dan menyediakan kertas peperiksaan pada peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Sekiranya, guru tidak bersedia dari segi amalan pengajaran dan kesediaan dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) akan menyebabkan kelemahan dalam pengajaran bahasa Arab. Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman (2006) mendapati bahawa pengamalan teknik pengajaran berada pada tahap rendah; tahap penggunaan BBM juga berada pada rendah, tahap pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab berada pada tahap sederhana, dan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan ABM dengan kumpulan pelajar yang tidak didedahkan dengan ABM.

1.2 Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka Konseptual Amalan Pengajaran dan Kesediaan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan modifikasi daripada (Khatijah Endut (1997), Rofishah Rashid (2005), Mohd Faeez Ilias (2013), Kamarul Azmi & Ab. Halim. (2013). Normazla Ahmad et. al. (2013), Maimun Aqsa Lubis (2013).

1.3 Objektif Kajian

Menganalisis hubungan antara amalan pengajaran guru dan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar.

2.0 HUBUNGAN BBM DENGAN KEMAHIRAN BAHASA

2.1 Kemahiran Mendengar

Suara guru memainkan peranan penting dalam kemahiran mendengar. Selain daripada itu guru boleh juga menggunakan pita rakaman, video, kaset, televisyen, cakera keras dan lain-lain. Bahan bantu mengajar dapat menumbulkan reaksi pelajar terhadap pembelajaran dalam bilik darjah. Melalui pita rakaman yang diperdengarkan, pelajar dapat mencatat isi penting dan menyatakan perasaan, pendapat, analisis dan dapat memenuhi arahan.

Antara bahan yang boleh dirakam ialah ucapan, pembacaan, pengumuman, perbualan, laporan, deklamasi sajak, lagu (dengan senikata atau tanpa senikata), lawak jenaka dan lain-lain. Bahan rakaman boleh dijadikan contoh yang baik atau sebagai model. Contohnya, pembacaan puisi:- aspek sebutan, intonasi atau tekanan suara, diksi, gaya bahasa dan nahu diutamakan.

Selain daripada itu, bahan rangsangan yang boleh dirakam ialah siaran radio dan siaran televisyen pendidikan iaitu topik-topik yang mengandungi pengetahuan am, contohnya kesihatan gigi atau mata,, cara menjimatkan air dan elektrik, undang-undang jalan raya, menjaga kebersihan alam sekitar dan lain-lain. Guru perlulah memasukkan fakta-fakta yang tepat.

2.2 Kemahiran Bertutur

Dalam kemahiran mendengar, tugas utama guru ialah mendorong pelajar bertutur, menyediakan bahan tertentu yang sesuai sebagai model untuk menggerakkan pelajar bercakap. Bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan untuk menggerakkan pelajar bercakap ialah bahan bercetak, gambar bersiri yang menarik, gambar animasi, tayangan video, multimedia, internet, dan sebagainya. Contoh aktiviti yang sesuai ialah guru menggunakan alat bantu yang sesuai untuk demonstrasi dalam proses pengajaran contohnya menganyam ketupat, membuat karipap, membuat tempat letak surat, tempat letak bahan tulis dan lain-lain.

2.3 Kemahiran Membaca

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran terdapat dua cara membaca iaitu bacaan bersuara (mekanis) dan bacaan secara senyap. Bacaan bersuara ialah menekankan unsur-unsur bunyi, sebutan, intonasi, gaya, irama dan sebagainya yang bersifat mekanis. Bahan yang sesuai ialah pita rakaman, radio kaset dan lain-lain. Manakala bacaan senyap pula ialah bacaan yang menumpukan kepantasan dan kefahaman membaca. Bahan yang sesuai ialah bahan-bahan bercetak. Teks-teks ucapan dicetak, rencana, karangan dan sebagainya.

2.4 Kemahiran Menulis

Rangsangan untuk kemahiran menulis sama bentuknya seperti rangsangan untuk mendengar dan bertutur. Guru boleh meminta pelajar menulis ayat-ayat, mengarang perenggan, menulis berita, menulis karangan, menulis laporan, membuat cogan kata, membuat latihan meringkas karangan, mengarang pantun,syair,merumikan tulisan jawi dan lain-lain. Bahan bantu mengajar yang sesuai ialah video, televisyen,komputer,filem slaid dan sebagainya.

2.5 Kemahiran Tatabahasa

Tatabahasa tidak diajar formal tetapi digabungkan dalam kemahiran-kemahiran tertentu. Guru hendaklah memilih unsur tata bahasa yang hendak diajar daripada bahan yang telah dirancang. Contoh bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan ialah petikan perbualan dalam rakaman atau bahan bercetak, kemudian pelajar menukar kepada cakap pundah. Guru boleh memilih beberapa perkataan susah dan diperkembangkan penggunaanya dalam struktur ayat yang lain. Perkataan berimbuhan, frasa-frasa, kata sendi, kata seru juga boleh dipetik melalui siaran televisyen berbentuk pendidikan dan menyuruh pelajar membuat ayat yang bermakna.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 427 orang guru bahasa Arab. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung

kepada populasi guru bahasa Arab yang terdapat di negeri tersebut. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Manakala, analisis data inferensi digunakan untuk membuat inferensi daripada sampel kepada populasi. Menurut Julie (2007), ujian statistik dijalankan untuk mengetahui tahap pengurusan mengenai sesuatu penemuan sama ada berlaku secara kebetulan atau dipengaruhi oleh sesuatu pemboleh ubah. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis inferensi yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti perbezaan skor min pembolehubah bersandar berdasarkan faktor pembolehubah tidak bersandar yang mempunyai dua kumpulan sahaja iaitu berdasarkan jantina, bidang pengkhususan dan lokasi sekolah responden. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan min amalan pengajaran guru dan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina.

Manakala Anova Satu Hala digunakan untuk menganalisis perbezaan yang melebihi dua set skor. Keputusan ANOVA adalah untuk menguji hipotesis: amalan pengajaran guru dan kesediaan guru dalam menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina, pengalaman mengajar bilangan waktu pengajaran, kekerapan penggunaan dan bilangan waktu pengajaran guru.

Pengkaji memilih skala Alias Baba (1997) berkaitan anggaran kekuatan hubungan yang wujud antara pembolehubah yang dikaji. Jadual dibawah menerangkan interpretasi bagi skala pekali kolerasi yang digunakan dalam kajian ini. Pekali kolerasi Pearson digunakan untuk meramal kekuatan hubungan antara dua pembolehubah. Pemboleh ubah yang mempunyai kolerasi di antara satu sama lain akan menunjukkan nilai skor yang saling berkaitan. Dalam kajian ini, Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat: i.) Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan kesediaan guru dalam menggunakan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Anggaran kekuatan perhubungan antara 2 pemboleh ubah mengikut Alias Baba (1997) adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kekuatan Perhubungan Kolerasi

Pekali Kolerasi, r	Kekuatan hubungan
0.00 hingga 0.20	Lemah
0.21 hingga 0.40	Rendah
0.41 hingga 0.60	Sederhana
0.61 hingga 0.80	Tinggi
0.81 hingga 1.00	Sangat tinggi

Sumber: Alias Baba (1997)

4.0 PERBANDINGAN PERBEZAAN AMALAN PENGAJARAN GURU DAN KESEDIAAN GURU DALAM PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERDASARKAN JANTINA, PENGALAMAN MENGAJAR, KEKERAPAN PENGGUNAAN, BILANGAN WAKTU PENGAJARAN.

4.1 Perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina

Jadual 2: Keputusan ujian-t bagi skor min amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Lelaki	167	4.29	0.411	-0.684	0.991
Perempuan	260	4.32	0.440	-0.695	

* Signifikan pada aras 0.05

Untuk melihat perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan perempuan dilakukan. Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian-t untuk membandingkan skor min amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru perempuan ($\text{min}=4.29$, $\text{sp}=0.411$) adalah lebih rendah berbanding skor min guru lelaki ($\text{min}=4.32$, $\text{sp}=0.440$). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai t bagi tahap amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar antara guru lelaki dan perempuan berada pada tahap signifikan $p=0.991$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan antara guru lelaki dan perempuan. Ini menjelaskan bahawa amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar antara guru lelaki dan perempuan adalah sama.

4.2 Perbezaan berdasarkan jantina kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina

Jadual 3: Keputusan ujian-t bagi skor min kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Lelaki	167	3.83	0.923	-0.684	0.266
Perempuan	260	3.79	0.938	-0.695	

* Signifikan pada aras 0.05

Untuk melihat perbezaan Perbezaan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan *jantina* berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara guru lelaki dan perempuan dilakukan. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi guru perempuan ($\text{min}=3.83$, $\text{sp}=0.923$) adalah lebih rendah berbanding skor min guru lelaki ($\text{min}=3.79$, $\text{sp}=0.938$). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai *t* bagi kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina antara guru lelaki dan perempuan berada pada tahap signifikan $p=0.266$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar antara guru lelaki dan perempuan. Hal ini, kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar QAF antara guru lelaki dan perempuan adalah sama.

4.3 Perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar

Untuk melihat perbezaan Perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar, Analisis Varian (ANOVA) Satu Hala dilakukan. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan Perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai $F=0.256$ dan $p = 0.906 > 0.05$. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan Perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4: Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min perbezaan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.190	4	0.047	0.256	0.906
Dalam Kumpulan	78.116	422	0.187		

* Signifikan pada aras 0.05

4.4 Perbezaan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar

Untuk melihat perbezaan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (6.984) dan $p = 0.000 > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 5: Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan pengalaman mengajar

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	4.861	4	1.215	6.984	0.000
Dalam Kumpulan	73.444	422	0.174		

* Signifikan pada aras 0.05

4.5 Perbezaan Amalan Pengajaran Guru Menggunakan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Kekerapan Penggunaan

Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (6.047) dan $p = 0.000 > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan

yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan.

Jadual 6: Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan.

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	4.082	4	1.021	6.047	0.000
Dalam Kumpulan	71.458	422	0.169		

* Signifikan pada aras 0.05

4.6 Perbezaan Kesediaan Guru Menggunakan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Kekerapan Penggunaan.

Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan berdasarkan kekerapan penggunaan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (0.722) dan $p = 0.578 > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan.

Jadual 7: Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.532	4	0.133	0.722	0.578
Dalam Kumpulan	77.774	422	0.84		

* Signifikan pada aras 0.05

4.7 Perbezaan Amalan Pengajaran Guru Menggunakan Bahan Bantu Mengajar berdasarkan Bilangan Waktu Pengajaran

Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan bilangan waktu pengajaran berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (0.525) dan $p = 0.717 > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol diterima. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan bilangan waktu pengajaran.

Jadual 8: Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min perbezaan yang signifikan amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan bilangan waktu pengajaran

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.374	4	0.094	0.525	0.717
Dalam Kumpulan	75.166	422	0.178		

* Signifikan pada aras 0.05

4.8 Perbezaan Kesediaan Guru Menggunakan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Bilangan Waktu Pengajaran.

Hasil ujian anova satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan seperti yang ditunjukkan oleh nilai f (0.244) dan $p = 0.784 > 0.05$. oleh itu, hipotesis nol diterima. dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan kekerapan penggunaan.

Jadual 9: Keputusan anova satu hala bagi skor min kesediaan guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan bilangan waktu pengajaran.

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	0.052	2	0.026	0.244	0.784
Dalam Kumpulan	44.98	419	0.107		

* Signifikan pada aras 0.05

4.9 Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dengan Kesediaan Guru Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Jadual 10: Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar

Pemboleh ubah	Kesediaan Guru	sig. (p)
Amalan Pengajaran	$r = 0.389$	$p = 0.00^*$

**korelasi adalah signifikan pada nilai 0.00

Jadual menunjukkan pekali korelasi Pearson antara pemboleh ubah hubungan antara amalan pengajaran guru dengan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar iaitu $r = 0.389$, $p = 0.00$ ($p < 0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi secara positif yang mempunyai hubungan yang sederhana. Hal ini telah membawa penolakan kepada hipotesis nol. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan hubungan antara amalan pengajaran guru dengan kesediaan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar.

Didapati nilai t bagi perbandingan *persepsi* antara guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 1.399$ dan nilai p adalah $p = 0.163$. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.163 > 0.05$). Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipótesis nul (H_0). Ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi antara guru lelaki (min = 4.04) dan guru perempuan (min = 3.97) berdasarkan jantina bagi penggunaan BBM berdasarkan jantina.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaedah pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) perlu dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan dan menarik perhatian serta minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kepelbagaiannya kaedah dan konsep dalam pembelajaran lebih cenderung pelajar menjadi lebih fokus terhadap pembelajaran yang diajarkan. Justeru itu, guru-guru bahasa Arab perlu lebih kreatif ketika proses PdP dijalankan bagi memantapkan lagi kemahiran dan penguasaan murid terhadap pembelajaran bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada RMC telah kelulusan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2016. Pusat Pendidikan Serantau ISESCO KUIS di Malaysia dan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rakan sinergi dan jaringan kerjasama penyelidikan.

RUJUKAN

- Atan Long. 1992. Pedagogi Kaedah Am Mengajar. Amiza Publishing Sdn Bhd: Petaling Jaya.
- Ahmad, J. (2009). Teaching of Biological Sciences. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Rofishah Rashid. 2005. Penggunaan ICT di Kalangan Guru Bahasa Arab Komunikasi: Kajian di sekolah Menengah dan Rendah di Zon Selatan Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faeez Ilias. 2013 Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2013. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor Bharu.
- Khatijah Endut. 1997. Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dan Rendah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. Jurnal Teknologi. Skudai: UTM.
- Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin (2008). Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih. Jurnal Pendidikan 33 (2008) 81-94. Malaysian Journal of Education : Faculty of education, UKM.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(2), 2010 53-64.
- Noor Azlan bin Ahmad Zanzali & Nurdalina binti Daud. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. 1995. Persepsi Guru terhadap Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan*. 20: 25-38.

Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa. 2006. Penggunaan Komputer dalam Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Pulau Pinang dalam Shakila Abdul Manan (et. al, 2006). *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*. Pulau Pinang : USM Press.

Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2006. Kesediaan dan Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal pendidikan (Journal of Educational Research)*. Kuala Lumpur : UM
Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2008. Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar dan Hubunganya dengan pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi*: , 49(E) Dis. 2008: 141–154. UTM.

Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shaharuddin. 2014. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1) (2014):51-61.